

# **MAJLIS PENUTUP KURSUS PEGAWAI KESELAMATAN SIRI 76/19**



[airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/4988-majlis-penutup-safety-officer-course-siri-76-19](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/4988-majlis-penutup-safety-officer-course-siri-76-19)

KUALA LUMPUR, 16 Mei 19 – Majlis Penutup Kursus Pegawai Keselamatan Siri 76/19 telah disempurnakan oleh Timbalan Panglima Tentera Udara, Lt Jen Dato' Sri Ackbal bin Hj Abdul Samad TUDM di Oakwood Hotel, Kuala Lumpur.

Kursus yang bermula dari 7 hingga 17 Mei 19 itu telah disertai seramai 23 pegawai terdiri dari perkhidmatan ATM (Darat, Laut dan Udara), pegawai tentera dari negara asing (Tentera Udara Bangladesh dan Tentera Udara Diraja Brunei) serta penyertaan dari agensi lain iaitu PDRM dan APMM.

